



جَابِرٌ مَّفِيذٌ كَرِيْمٌ

قوله تعالى:

فَسَأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

**Soalan :**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Saya nak tanya, jika kita menyentuh makanan kucing (wetfood Hill's a/d diet) yang mengandungi babi (ada tertulis di senarai bahan), perlukah saya menyertu tangan saya? Terima kasih.

**Jawapan :**

وعليكم السلام ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam ke atas Nabi besar junjungan kita Muhammad SAW, keluarga, sahabatnya dan mereka-mereka yang mengikuti segala sunnah Nabi Muhammad SAW sehingga ke hari kiamat. Terima kasih kepada tuan di atas soalan yang telah diajukan kepada kami.

Berdasarkan persoalan ini, **makanan kucing tersebut jelas telah bercampur dengan babi, maka yang menyentuhnya wajib menyucikan tangannya menggunakan kaedah sertu iaitu 1 kali air tanah dan 6 kali air mutlak.**

Pada asasnya, para fuqaha telah **bersepakat akan kenajisan daging babi sekalipun disembelih.** Hal ini berdasarkan nas al-Quran yang telah menjelaskan bahawa babi adalah najis secara zatnya. Maka dagingnya dan kesemua bahagiannya sama ada bulu, tulang dan kulit adalah najis sekalipun disembelih. Firman Allah SWT dalam surah An-Nahl ayat 115 yang menyatakan mengenai pengharaman babi iaitu:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنزِيرِ

**Maksudnya: “Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih), dan darah (yang keluar mengalir), dan daging babi (termasuk semuanya).**

Dr. Wahbah al-Zuhaili menyebutkan bahawa najisnya babi itu meliputi semua bahagiannya bermula kulit, kepala, air liur, kaki sehingga pada lemak dan isi dalamannya. Adapun dikhususkan dengan menyebut dagingnya sahaja kerana ia merupakan kebanyakan bahagian yang dimakan. Sesungguhnya syarak telah melarang untuk mengambil manfaat daripada semua bahagian babi sebagaimana yang dinyatakan dalam surah al-An’am ayat 145:

Firman Allah SWT:

قُلْ لَا أَجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَى طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ خِنزِيرٍ فَإِنَّهُ رِجْسٌ أَوْ فِسْقًا أُهْلًا لِعَيِّرٍ لِّلَّهِ بِهِ

Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad): ‘Aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, **sesuatu yang diharamkan** bagi orang yang hendak memakannya melainkan kalau benda itu bangkai, atau darah yang mengalir, atau **daging babi – kerana sesungguhnya ia adalah kotor – atau sesuatu yang dilakukan secara fasik, iaitu binatang yang disembelih atas nama yang lain dari Allah**”.

Rujukan

1. Al-Quran Dan Terjemahan
2. Al-Zuhayli, Wahbah. *Fiqh Islami Wa Adillatuhu*.
3. Al-Zuhayli, Wahbah. *Tafsir al-Munir*.